# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua**
**Sidang 1992/93**

**April, 1993**

## ATP201 - PERAKAUNAN KEWANGAN II

**Masa : [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. Soalan daripada Bahagian A adalah WAJIB dan jawab SATU soalan daripada Bahagian B dan C.

**Bahagian A**

Jawab SEMUA soalan

1. Penyata pendapatan, penyata pemilik ekuiti dan kunci kira-kira High Point Sdn. Bhd. diberikan di bawah:

**High Point Sdn. Bhd.**
**Penyata pendapatan untuk tahun berakhir 31 Disember, 1990**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Hasil | | | | RM480,000 |
| Jualan | | | | |
| Tolak: pulangan jualan & elaun | | | RM 12,000 | |
| Diskaun jualan | | | RM 8,000 | RM 20,000 |
| Jualan bersih | | | | RM460,000 |
| Kos barang dijual | | | | |
| Inventori, 1 Januari | | | RM 36,000 | |
| Belian | | RM325,000 | | |
| Tolak: pulangan belian | | | | |
| & elaun | RM10,400 | | | |
| Diskaun belian | RM 6,800 | RM 17,200 | | |
| Belian bersih | | RM307,800 | | |
| Tambah: pengangkutan masuk | | RM 12,200 | | |
| Kos barang dibeli | | | RM320,000 | |
| Kos barang sedia ada dijual | | | RM356,000 | |
| Inventori, 31 Disember | | | RM 40,000 | |
| Kos barang dijual | | | | RM316,000 |
| Untung kasar | | | | RM144,000 |

...2/-

| | | |
|---|---|---|
| <u>Harta, loji dan peralatan</u> | | |
| Peralatan stor | RM80,000 | |
| Tolak: susutnilai terkumpul - peralatan stor | RM24,000 | 56,000 |
| | ------------ | --------------- |
| Jumlah aset | | RM123,400 |

<u>Liabiliti dan ekuiti pemilik</u>

| | |
|---|---|
| <u>Liabiliti semasa</u> | |
| Akaun belum bayar | RM 20,400 |
| Gaji belum bayar | 5,000 |
| | --------------- |
| Jumlah liabiliti semasa | 25,400 |
| <u>Ekuiti pemilik</u> | |
| Modal, R.A. Lamb | 98,000 |
| | --------------- |
| Jumlah liabiliti dan ekuiti pemilik | RM123,400 |
| | ====== |

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan:

(a) Catatan penutup.

(b) Imbangan duga selepas penutupan pada 31 Dis. 1990.

(c) Catatan pembalikan pada 1 Jan. 1991.

[30 markah]

2. Nyatakan bagaimana anda akan melaporkan setiap perkara berikut di dalam penyata kewangan.

(a) Bekalan perkilangan.

(b) Barangan dalam tangan yang telah diterima secara konsainmen.

(c) Barangan diterima tanpa invois.

(d) Barangan digudang yang akan dihantar kepada pelanggan pada masa yang akan datang.

...4/-

(q) Kos ujian mesin baru.

(r) Gadai janji - andaikan ke atas tanah.

Dikehendaki:

Tunjukkan sama ada setiap perkara tersebut harus diambilkira sebagai tanah (T), bangunan (B), Mesin dan peralatan (M), atau lain-lain (O). Jika jawapan anda ialah O, cadangkan penyelesaian bagi perkara-perkara tersebut.

[10 markah]

**Bahagian B**

Jawab SATU soalan sahaja.

4. Dari senarai berikut, sediakan penyata pendapatan terkelas dalam bentuk yang sesuai. Tunjukkan juga semua perkara yang dikelaskan, termasuk pendedahan maklumat perolehan sesyer. (Jumlah tidak perlu disebut).

Akaun belum bayar
Susutnilai terkumpul - Bangunan pejabat
- Kelengkapan hantaran
- Perkakas pejabat
Belanja iklan
Elaun hutang ragu
Tunai
Saham biasa, RM20 nilai tara (10,000 saham dikeluarkan)
Gaji hantaran
Belanja susutnilai - Bangunan pejabat
- Kelengkapan hantaran
- Perkakas pejabat
Hasil dividen
Dividen belum bayar
Dividen belum terima
Belanja hutang lapuk
Keuntungan luar biasa (selepas cukai)
Pengangkutan masuk
Cukai pengangguan belum bayar
Muhibbah
Cukai pendapatan
Cukai pendapatan belum bayar
Belanja insuran
Belanja faedah - bon
Belanja faedah - lain
Faedah belum bayar
Faedah belum terima
Hasil faedah
Inventori
Kerugian dari operasi dihentikan (selepas cukai)
Belanja hantaran pelbagai
Belanja am pelbagai
Belanja jualan pelbagai
Gaji pejabat
Bekalan pejabat
Bekalan pejabat digunakan
Gaji pegawai
Cukai harta
Belian
Diskaun belian
Pulangan belian & elaun
Perolehan tertahan
Royalti diterima secara pendahuluan
Hasil royalti
Gaji & upah belum bayar
Jualan
Diskaun jualan
Pulangan jualan & diskaun
Gaji jualan & komisen
Cukai jualan belum bayar

[25 markah]

...6/-

Bahagian C

Jawab SATU soalan sahaja.

6. (a) Untuk setiap keadaan berikut, kenalpastikan samada aktiviti tersebut melibatkan liabiliti sebenar, liabiliti kontigen atau bukan liabiliti. Kemudian, tentukan samada liabiliti itu ialah (1) Semasa atau tidak semasa dan (2) Jumlah tertentu atau melibatkan anggaran.

(i) Syarikat Apple membeli inventori pada 1 November. Invois berjumlah RM17,000 dan bayaran dijangka dibuat dalam masa 30 hari.

(ii) Syarikat B membiayai gudang secara gadai janji jangka panjang yang melibatkan bayaran separuh tahun berjumlah RM7,000. Baki semasa gadai janji ialah RM98,000.

(iii) Syarikat C menjual sistem komputer dan bekalan. Ia menawarkan pelanggan jaminan bayaran balik dalam jangka masa 30 hari. Pada masa yang lepas, lebih kurang 10% pelanggan telah menggunakan hak ini.

(iv) Syarikat K membuat dan mengedar kelengkapan. Seorang individu baru-baru ini telah memulakan kes mahkamah disebabkan kecederan semasa menggunakan peralatan Syarikat K. Peguam Syarikat K berasa bahawa peluang kekalahan kes ini adalah tipis.

(v) Syarikat Y, sebuah syarikat baru ditubuhkan, mempunyai rancangan bersara yang tidak dibiayai yang memberi faedah persaraan kepada pekerja yang bersara selepas tempoh minima 10 tahun berkhidmat dengan syarikat.

(vi) Ahmad, seorang usahawan yang berjaya, telah bercadang menubuhkan biasiswa universiti untuk pemuda kurang bernasib baik di komuniti beliau. Dia telah berhubung dengan beberapa universiti, tetapi buat masa ini, tidak sebarang yang konkrit timbul.

[15 makah]

(b) Leela memiliki dua perniagaan: stor ubat dan stor berjabatan.

| | Stor ubat | Stor berjabatan |
|---|---|---|
| Jualan bersih | RM1,050,000 | RM670,000 |
| Kos barang dijual | RM1,000,000 | RM600,000 |
| Purata jumlah aset | RM 50,000 | RM200,000 |
| Lain-lain aset | RM 39,500 | RM 36,500 |

...8/-